



PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak, Selangor **menafikan** video tular berkaitan operasi penangkapan warga asing termasuk warga Rohingya secara besar-besaran oleh PDRM dan ATM di Selayang. IPD Gombak **menjelaskan** situasi tersebut merupakan pemindahan 52 orang warga asing di kawasan PKPD Selayang Baru ke pusat kuarantin Institut Perakaunan Negara, Sabak Bernam, Selangor bermula 25 April 2020.
2. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) **menafikan** dakwaan bahawa makmal ujian COVID-19 di Hospital Umum Sarawak tidak berfungsi dan **menegaskan** pihak KKM tiada menerima sebarang makluman mengenai makmal ujian COVID-19 di Sarawak yang gagal berfungsi. KKM **menjelaskan** buat masa ini terdapat tiga buah makmal ujian COVID-19 di Sarawak iaitu di Hospital Umum Sarawak, Kuching, di UNIMAS, Kota Samarahan dan di Hospital Sibu dan sekiranya makmal di hospital umum mengalami masalah untuk menjalankan ujian COVID-19, KKM akan menggunakan sumber luar di makmal swasta.

**Pasukan Respons Pantas
KKMM
27 April 2020 | 8.00 Malam**

